

20/10/2003

Wanita tonggak pembangunan negara OIC

Fadzlena Jafar

PEPERANGAN dan keganasan - dua kata kunci yang sering menjadi bahan berita sejak kebelakangan ini. Tidak kira di mana dan bagaimana ia berlaku, wanita sering menjadi mangsa keadaan. Tetapi tanpa disedari, wanita sebenarnya mampu memainkan peranan penting bagi mencapai keamanan.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata peranan tradisi wanita sebagai pembimbing dan pengasuh dalam keluarga mampu memastikan generasi akan datang hidup dalam suasana keamanan dan kedamaian.

"Selama ini fungsi produktif wanita tidak diberi perhatian, tetapi kini ramai yang menyedari ia berperanan penting dalam memastikan kelangsungan dan keselesaan sesebuah keluarga itu.

"Pengalaman beberapa negara menunjukkan sekiranya peranan produktif wanita disemai dengan peranan reproduktifnya menerusi cara yang dapat melindungi dan menggalakkan hak asasi manusia serta diskriminasi jantina, ia mampu menjurus kepada pembangunan negara, keluarga dan wanita itu sendiri," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Dialog Wanita Pertama sempena Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kelmarin.

Seramai empat Wanita Pertama Negara OIC turut menyertai majlis dialog yang julung kali diadakan itu, iaitu isteri Presiden Gabon, Edith Lucie Bongo; isteri Presiden Sudan, Widad Babiker Omer; isteri Presiden Turki, Semra Sezer dan isteri Presiden Pakistan, Sehba Musharraf.

Selain itu, majlis dialog anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) itu turut dihadiri isteri Menteri Luar dan menteri lain negara OIC, isteri Menteri Kabinet Malaysia, isteri ketua perwakilan negara OIC di Malaysia dan beberapa tokoh wanita tempatan daripada sektor awam serta swasta.

Dengan tema 'Wanita, Keamanan dan Pembangunan', dialog berkenaan memberi peluang kepada Wanita Pertama negara OIC berkongsi pengalaman dan pandangan bagi memupuk serta mengekalkan keamanan untuk pembangunan ummah pada peringkat kebangsaan, serantau dan dunia dalam konteks global.

Perbincangan meja bulat yang diadakan pada majlis berkenaan bertumpu kepada isu wanita daripada pelbagai aspek dengan dibantu beberapa pakar rujuk seperti Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin; Pengarah Institut Ibu Sina Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Halimahton Hamdan; Koordinator Unit Pembangunan Kesihatan Wanita Fakulti Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Datin Dr Rashidah Shuib dan Pensyarah Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM).

Turut serta Pengerusi Alcatel Network Systems Malaysia Sdn Bhd, Datuk Dr Norraesah Mohamed; Pengarah Institut Penyelidikan Dalam Perubatan Molekul, Kampus Kesihatan USM, Prof Dr Asmah Ismail; Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir; Pengerusi Majlis Penasihat Negara, Prof Emeritus Datuk Nik Safiah Karim; Pengarah Pusat Dialog Peradaban UM, Prof Dr Azizan Baharuddin; Pengarah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita USM, Prof Wazir Karim dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid.

Objektif utama dialog berkenaan yang akan dibawa ke perhatian Pengerusi OIC ialah bagi mengkaji bagaimana perkongsian global, rangkaian, kerjasama dan gabungan dapat mengurangkan beban masalah serta meningkatkan kemajuan

negara Islam dengan mengambil kira peranan wanita.

Dr Siti Hasmah berkata, untuk mencapai kemajuan sesebuah negara itu perlu mempunyai kestabilan politik yang hanya boleh dinikmati jika rakyat hidup dalam keamanan.

"Ketika peperangan dan konflik berlaku, infrastruktur akan musnah, perkhidmatan utama akan lumpuh dan pembangunan akan terganggu atau mungkin terhenti sepenuhnya. Secara tidak langsung masyarakat seluruhnya tidak mendapat hak asas mereka untuk menikmati hidup yang selesa.

"Daripada jumlah kematian yang berlaku ketika peperangan atau konflik, 90 peratus membabitkan orang awam dan sebahagian daripadanya adalah kanak-kanak. Ketidaktentuan yang dialami ketika itu (konflik dan peperangan) menjejaskan pembangunan. Dan inilah yang kita lihat berlaku di kebanyakan negara OIC pada masa ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, umat Islam perlu bersatu padu bagi mencapai keamanan sekiranya tidak mahu ketinggalan dalam pembangunan yang dinikmati beberapa negara Barat dan suara wanita mampu merubah keadaan itu.

Caranya, beliau berkata, wanita di negara OIC perlu berani mencapai kesaksamaan (equality) untuk berganding bahu dengan lelaki terutama menerusi pendidikan.

Majlis Dialog Wanita Pertama berkenaan berjaya mencapai 10 resolusi merangkumi pelbagai bidang termasuk pendidikan, kesihatan, ekonomi, kemasyarakatan dan pembangunan wanita.

Dr Siti Hasmah yang menerajui majlis dialog berkenaan berkata 10 resolusi itu diharap dapat membantu meningkatkan status wanita di negara Islam yang selama ini bagaikan kelas kedua di negara sendiri.

Sehubungan itu, beliau berharap OIC akan mengambil kira dan menimbangkan kesemua isu berkenaan atau sekurang-kurangnya beberapa isu yang dipersetujui pada majlis dialog.

"Saya amat gembira sekiranya OIC dapat mengambil kira isu yang diketengahkan ini atau setidak-tidaknya satu atau dua isu pun sudah memadai terutama membabitkan kesaksamaan, pendidikan dan keamanan," katanya, ketika sidang media selepas perbincangan meja bulat yang diadakan itu.

Malah, katanya, Majlis Dialog Wanita Pertama itu yang mencatat sejarah kerana buat pertama kali negara penganjur menyediakan kegiatan khas bagi membincangkan isu membabitkan wanita Islam, diharap dapat menjadi landasan bagi memperjuangkan pelbagai aspek wanita di negara OIC yang selama ini